

Kerajaan cadang platform pertukaran data terbuka dalam masa enam bulan

Firdaus Azil, Astro Awani | November 13, 2018 13:21 MYT

Facebook Twitter

Email Google

whatsapp icon



GOBIND: Kita mahu wujudkan keadaan di mana kita boleh adakan akses kepada maklumat.

KUALA LUMPUR : Kerajaan bercadang untuk menubuhkan platform pertukaran data yang terbuka, bagi membolehkan data disalurkan terus kepada kerajaan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo.

Beliau berkata, melalui penubuhan platform itu, ia juga akan menggalakkan industri yang berkaitan untuk berkongsi data yang

mereka peroleh kepada awam.

“Kita mahu wujudkan keadaan di mana kita boleh adakan akses kepada maklumat dan (penubuhan platform) ini satu perkara yang dalam pertimbangan kita. Memang itu satu cadangan yang saya akan bawa ke Kabinet.

"Satu mekanisme yang mana kita boleh mempromosi suasana digital yang terbuka, dan ia merupakan sesuatu yang telahpun diamalkan di negara-negara lain," katanya kepada media selepas menyampaikan ucapan beliau di forum Digital Transformation Asia di sini, hari ini.

Dalam ucapannya, Gobind berkata, inisiatif itu akan diwujudkan dengan kerjasama antara kementerian beliau sendiri, dengan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)

Mengulas lanjut, Gobind berkata, walaupun platform itu akan berkonsepkan persekitaran terbuka, kementerian akan sentiasa menitikberatkan keselamatan data peribadi.

Mengenai tempoh masa yang ditetapkan, beliau berkata, kementerian bercadang untuk membawa kertas kerja ke cabinet dalam masa tiga hingga enam bulan dari sekarang. “Saya bercadang untuk membawanya ke cabinet pada pertengahan pertama tahun hadapan. Buat masa kini kami sedang merangka struktur platform berkenaan dan bagaimana mahu melaksanakannya. Dan sudah tentu jika Kabinet meluluskan cadangan ini, kami harus memulakan kerja secepat mungkin,” jelasnya lagi.

BERITA BERKAITAN VIDEO BERKAITAN

Rosmah, Tengku Adnan didakwa hari ini
Rosmah, Tengku Adnan didakwa hari ini

Tiada berita baik untuk menteri, timbalan gaji tetap akan dipotong
Tiada berita baik untuk menteri, timbalan gaji tetap akan dipotong

Dapat basikal selepas menangis ditahan polis trafik

Krisis Laut China Selatan dominasi

Khir Toyo nasihat Dr Mahathir

TERKINI

POPULAR

- MALAYSIA**
Empat berputih mata, tak dapat tatabat hasil...
- HIBURAN**
"Mustahil untuk dapatkan RM100,000 walau hidup 100 tahun" - Luahan sayu penyahar filem Munafik 2